

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4 June 2015

PM arah menteri Sarawak pantau pemberian tanah adat

Um - 4/6/2015

KUALA LUMPUR 3 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengarahkan menteri-menteri dari Sarawak untuk memantau kemajuan pemberian hak milik Tanah Hak Adat Peribumi (NCR) kepada bumiputera di negeri itu.

Dalam catatan terkini di akaun Facebook dan Twitter miliknya, Najib berkata: "Tidak ada sesiapa yang boleh mempersoal hak kelahiran Bumiputera Sarawak."

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang dibentangkan Najib baru-baru ini antara lain memberi fokus terhadap urusan pengeluaran hak milik tanah NCR kepada pribumi dan bumiputera Sabah dan Sarawak bagi menggalakkan pembangunan tanah menggunakan teknologi moden melalui agensi kerajaan.

Anggota Jawatankuasa Kerja Tertinggi Kesatuan Kebangsaan Dayak Sarawak (SDNU) Chambai



Tidak ada sesiapa yang boleh mempersoal hak kelahiran Bumiputera Sarawak.."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Lindung baru-baru ini dilaporkan berkata fokus terhadap pemberian hak milik tanah adat itu adalah suatu perkara yang amat diharapkan rakyat Sarawak sejak sekian lama.

Katanya ketika ini, Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh (DBNA) diamanahkan kerajaan untuk melakukan kerja mengukur tanah NCR bagi masyarakat Bidayuh. - BERNAMA